

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[PENGKALAN CHEPA]**

**TARIKH : 14 OKTOBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 2**

**TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN CHEPA]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menguatkuasakan larangan penjualan rokok elektronik dan "Vape" secara menyeluruh ataupun membendung jualan bahan berkenaan terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah memandangkan bahaya bahan itu daripada aspek kesihatan.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Rokok elektronik atau Vape merupakan sejenis produk merokok yang baru di masa kini. Masalah penggunaan rokok elektronik atau Vape di Malaysia telah bermula seawal tahun 2013 dan telah memuncak penggunaannya di Malaysia pada tahun 2016. Masalah ini bukan sahaja berlaku di Malaysia malahan ia juga merupakan satu epidemik global yang mengundang kebimbangan pelbagai pihak.

Rokok elektronik atau vape yang menggunakan cecair bernikotin telah dikawal di bawah Akta Racun 1952. Di bawah Akta ini, sebarang persediaan yang mengandungi nikotin termasuk cecair rokok elektronik adalah dilarang penjualannya kecuali oleh ahli farmasi berlesen dan

pengamal perubatan berdaftar. Mana-mana orang selain daripada mereka yang disebut di atas yang menjual sebarang persediaan yang mengandungi nikotin termasuk cecair rokok elektronik bernikotin adalah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali. Pada masa yang sama pengedaran dan pembekalan sebarang persediaan mengandungi nikotin memerlukan pendaftaran dan kelulusan sebagai ubat daripada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, di bawah peruntukan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, Akta Jualan Dadah 1952. Mana-mana orang yang mengedar atau membekalkan sebarang persediaan yang mengandungi nikotin tanpa kelulusan adalah melakukan satu kesalahan dan boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM25,000.00 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

**Yang Di-Pertua,**

Bagi rokok elektronik atau vape yang menggunakan cecair tanpa nikotin akan dikawal di bawah Akta Baru yang telah digubal di bawah pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bersama-sama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang kini sedang dalam semakan pihak Jabatan Peguam Negara. Di bawah Akta Baru ini penggunaan semua jenis produk merokok seperti rokok konvensional dan rokok elektronik atau vape bagi mereka yang berumur di bawah 18 tahun adalah dilarang sama sekali. Menyedari terdapat kajian-kajian terkini yang telah menunjukkan kesan sampingan terhadap penggunaan rokok elektronik dan vape termasuk beberapa kematian yang telah dicatatkan di negara Amerika Syarikat, satu kajian terperinci perlu dibuat untuk mengkaji semula keperluan menguatkuasakan larangan penjualan rokok elektronik dan vape secara menyeluruh. Satu Jawatankuasa Kerja Pakar telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan yang akan mengkaji semula bentuk kawalan yang akan diambil.

Sekian, terima kasih.